

Perubahan Status 28 Sekolah Agama Johor Tidak Jejas Kuasa Kerajaan Negeri - Sultan Johor
Bernamea
14 Ogos, 2012

JOHOR BAHRU, 14 Ogos (Bernama) -- Pendaftaran 28 buah Sekolah Agama Negeri Johor sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) tidak sesekali mengurangkan bidang kuasa kerajaan negeri dan Sultan Johor terhadap pengurusan sekolah berkenaan.

Sultan Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar bertitah kuasa mutlak baginda terhadap hal ehwal agama Islam Johor juga tidak akan terjejas atau berkurangan berikutan pendaftaran sekolah tersebut sebagai SABK.

"Kuasa mutlak raja tidak akan berkurang atau terjejas dengan pendaftaran itu. Sebarang keputusan (mengenai sekolah terbabit) hendaklah selaras dengan Enakmen Pentadbiran Agama Negeri Johor dan disembah (kepada baginda) terlebih dahulu," titah baginda pada Selasa.

Baginda bertitah demikian pada majlis menandatangani memorandum persefahaman pendaftaran sekolah agama negeri sebagai SABK di Persada Johor, di sini.

Turut hadir pada majlis adalah Tunku Mahkota Johor Tunku Ismail Sultan Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=688022>